

J. P.U. 22.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN
(MAJLIS PERBANDARAN KLUANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Kluang) 2012** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kluang.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki ia disiarkan makna yang lain—

“lot letak kereta” ertinya ruang yang ditandakan di tempat meletak kereta untuk meletak satu kenderaan bermotor;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kluang;

“orang” termasuklah sesuatu syarikat atau badan berkanun atau persatuan atau kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“tempat letak kereta persendirian” ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dimiliki atau diduduki oleh mana-mana orang selain daripada Majlis atau Kerajaan dan digunakan untuk meletak lima buah kenderaan bermotor atau lebih, dan di mana orang awam dibenarkan meletak apa-apa kenderaan tertakluk kepada bayaran fee sama ada bagi setiap jam atau selainnya;

“Yang Dipertua” bermakna orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

“CCTV” bermakna kamera litar tertutup;

“Tempat Letak Kereta Luar Jalan” bermaksud “*off street parking*” termasuk tempat letak kereta bermedan, bertingkat, atas bumbung, bawah tanah dan mekanikal;

“silauan langsung” bermaksud silauan langsung apabila silau lampu terus ke arah mata pengguna tanpa halangan;

“silauan terpantul” bermaksud apabila terdapat pantulan silau lampu terhadap permukaan yang berkilat yang seterusnya memantulkan cahaya ke arah pengguna.

Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain

3. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

Lesen dikehendaki

4. (1) Tiada seseorang boleh mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian melainkan jika ia memiliki lesen yang sah yang diberikan bagi maksud itu di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Tiada mana-mana orang boleh menggunakan mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dimiliki atau diduduki oleh mana-mana orang selain daripada Majlis atau Kerajaan untuk digunakan sebagai tempat letak kereta sama ada berbayar atau tidak melainkan dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini.

Fee bagi lesen

5. (1) Fee yang kena dibayar untuk mendapatkan atau membaharui lesen adalah sebagaimana Jadual.

(2) Sesuatu lesen melainkan digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tarikh kuat kuasa lesen itu dan boleh dibaharui pada atau sebelum tarikh habis tempohnya.

(3) Sesuatu lesen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain dan pemegang lesen tidak boleh mengendalikan melalui mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu.

Pemberian, penggantungan dan pembatal lesen

6. Pemberian sesuatu lesen hendaklah menurut budi bicara Majlis dan Majlis boleh menggantung mana-mana lesen bagi apa-apa masa yang difikirkan perlu atau membatalkan mana-mana lesen yang telah diberi mengikut Undang-undang Kecil ini.

Permohonan untuk mendapatkan lesen

7. (1) Permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen untuk mengendalikan tempat letak kereta persendirian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis berserta dengan:

- (a) pelan lokasi dan lampu;
- (b) ukuran lot letak kereta;
- (c) kapasiti tempat letak kereta;
- (d) pelan susur atur yang menunjukkan jalan masuk, jalan keluar dan sistem pungutan;

- (e) pelan tanda arah bagi tempat letak kereta;
- (f) reka bentuk tempat letak kereta;
- (g) bahan-bahan atau material yang digunakan; dan
- (h) lain-lain dokumen yang diperlukan oleh Majlis.

(2) Majlis hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Jika Majlis meluluskan permohonan itu, suatu lesen hendaklah dikeluarkan:

- (a) dalam apa-apa bentuk dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis;
- (b) apabila dibayar fee yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil 5; dan
- (c) apabila dibayar deposit dalam apa-apa jumlah yang ditentukan Majlis.

(4) Kadar fee atau bayaran caj yang dikenakan kepada pengguna adalah tertakluk kepada kelulusan Majlis.

Kebersihan

8. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara tempat letak kereta persendiriannya supaya dalam keadaan bersih setiap masa.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan bekas sampah yang cukup di tempat letak kereta persendiriannya.

Perubahan dan tambahan

9. Pemegang lesen tidak boleh menambah atau mengurangkan jumlah lot letak kereta dalam lingkungan tempat letak kereta persendiriannya kecuali terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis.

Halangan

10. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk menjamin bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang pergerakan lalu lintas yang sempurna di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendiriannya.

Kegunaan lain tidak dibenarkan

11. Pemegang lesen tidak boleh mengguna atau membenarkan digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendiriannya bagi apa-apa maksud lain selain daripada untuk meletak kenderaan bermotor kecuali terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis.

Pencahayaan

12. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan pencahayaan yang cukup dan, jika tempat letak kereta persendirian itu bertutup, peredaran udara yang cukup di tempat letak kereta persendiriannya hingga memuaskan hati Majlis.

(2) Lampu di tempat letak kereta hendaklah disediakan dengan mempunyai tahap pencahayaan atau kecerahan yang mampu menerangi kawasan tersebut sepertimana yang diluluskan Majlis.

(3) Pemilihan warna cahaya di kawasan tempat letak kereta bertingkat hendaklah cerah.

(4) Tidak dibenarkan penggunaan cahaya yang boleh mengakibatkan kesilauan di kawasan tempat letak kereta itu sama ada silauan secara langsung atau silauan terpantul.

Keselamatan

13. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberi oleh Majlis untuk memastikan bahawa keselamatan yang cukup diadakan di tempat letak kereta persendiriannya.

(2) Pemasangan CCTV dan sistem pemantauan yang maksimum hendaklah disediakan kepada tempat letak kereta luar jalan berbumbung dan bermedan dengan peralatan berikut:

- (i) Pemasangan sistem interkom atau lampu strob terutamanya di ruang terpencil, laluan masuk dan laluan keluar;
- (ii) Pemasangan alat CCTV yang mencukupi bagi mengawal keselamatan melaksanakan pemantauan;
- (iii) Stesyen CCTV hendaklah disediakan pada waktu operasi perniagaan dijalankan dan pengawal keselamatan hendaklah sentiasa peka terhadap apa-apa keadaan, cekap dan pantas menggunakan peralatan perhubungan kecemasan apabila keadaan memerlukan sedemikian;
- (iv) Penyediaan pondok pengawal di setiap tempat yang strategik dan di kawasan yang sentiasa memerlukan pengawal keselamatan;
- (v) Tiada kawasan "blind corners" boleh diwujudkan di kawasan tempat letak kereta.

Pencegah kebakaran

14. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa di tempat letak kereta persendiriannya—

- (a) Kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang dan diselenggara sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;

- (b) Tangga dan jalan keluar dikendalikan dengan sempurna;
- (c) Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan; dan
- (d) Tiap-tiap pintu dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

Kuasa untuk memasuki dan meroboh

15. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis bagi maksud menentukan sama ada—

- (a) tanah atau premis itu sedang digunakan sebagai tempat letak kereta persendirian tanpa lesen yang sah diberi berkenaan dengannya;
- (b) suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan; atau

(2) Majlis berhak untuk meroboh dan memindahkan apa-apa binaan dalam kawasan tempat letak kereta persendirian yang dibina tanpa kebenaran Majlis.

Syarat bagi tempat letak kereta bawah paras laut

16. Sesuatu tempat letak kereta bawah tanah (basement) hendaklah disediakan bagi sesuatu tempat letak kereta di kawasan bawah aras paras laut berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

Larangan membasuh, mengilat, mengelap atau membaiki kenderaan dan lain-lain

17. Tiada seorang pun yang boleh membasuh, mengilat, mengelap, memeriksa, membaik pulih atau membaiki apa-apa kenderaan di dalam mana-mana kawasan tempat letak kereta persendirian kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada Yang Dipertua.

Tempat letak kereta bagi orang kurang upaya

18. Bagi sesuatu tempat letak kereta persendirian, hendaklah didirikan atau dibina petak letak kereta bagi orang kurang upaya berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

Pengudaraan

19. (1) Sistem pengudaraan bagi tempat letak kereta hendaklah disediakan secara semula jadi.

(2) Bagi sesuatu ruang tempat letak kereta bawah tanah, sistem pengudaraan hendaklah disediakan secara mekanikal dan mematuhi sebagaimana tertakluk kepada Undang-undang Kecil atau peruntukan undang-undang lain yang berkaitan.

(3) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa cara peralihan udara di dalam tempat letak kereta persendirian itu dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan efisien.

Lorong laluan keluar masuk

20. (1) Pemunya tempat letak kereta bagi ruang letak kereta yang menampung 500 unit atau lebih pada satu-satu masa hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua lorong laluan keluar dan dua lorong laluan masuk.

(2) Lorong laluan keluar masuk tempat letak kereta persendirian hendaklah tidak menghalang pergerakan keluar masuk kenderaan ke unit kediaman atau mana-mana premis lain.

Turapan dan struktur yang kukuh

21. (1) Tempat letak kereta persendirian hendaklah dilengkapi dengan turapan dan struktur yang baik dan kukuh.

(2) Petak tempat letak kereta hendaklah dicat dengan jelas dan sempurna mengikut saiz yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil yang berkaitan.

Elemen landskap

22. (1) Tuan punya tempat letak kereta hendaklah menyediakan kawasan tersebut dengan elemen landskap, papan tanda dan tunjuk arah.

(2) Teduhan bagi tempat letak kereta boleh disediakan dan tertakluk kepada kebenaran merancang dan kelulusan Majlis.

(3) Elemen landskap seperti pokok hendaklah ditanam bagi pengindahan persekitaran, perteduhan atau zon pemisah antara satu bahagian dengan bahagian yang lain.

(4) Papan tanda dan tunjuk arah hendaklah senang atau jelas untuk dibaca, mudah untuk dilihat dari semua arah, serta menggunakan warna dan ukuran yang mendapat kelulusan Yang Dipertua.

(5) Reka bentuk tempat letak kereta hendaklah menepati kemudahan, keselesaan dan keselamatan penggunaannya.

Ruangan tempat letak kereta bermusim

23. Bagi sesuatu tempat letak kereta persendirian, boleh menyediakan tempat letak kereta bagi keperluan aktiviti-aktiviti bermusim dengan kebenaran Yang Dipertua.

Melucutkan hak deposit

24. (1) Majlis boleh, selepas memberi pemegang lesen suatu peluang untuk didengar, melucutkan hak kesemua atau sebahagian daripada deposit itu jika Majlis berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran peruntukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Apabila deposit itu dilucutkan hak, lesen itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan, melainkan Majlis, atas permohonan pemegang lesen membenarkan lesen itu terus berkuat kuasa tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilucutkan hak itu.

Bayaran balik deposit

25. Deposit yang dibayar di bawah perenggan 7(3)(c) hendaklah, melainkan dilucutkan hak di bawah Undang-undang Kecil 24, dibayar balik dengan tiada penyelarasan bunga bagi jumlah yang didepositkan kepada pemegang lesen selepas Majlis telah diberitahu secara bertulis oleh pemegang lesen itu bahawa dia—

- (a) telah berhenti mengendalikan tempat letak kereta persendirian itu; atau
- (b) telah menyerahkan lesen itu kepada Majlis sebelum habis tempoh lesen itu.

Pengecualian

26. Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan atau kategori orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini atau mengenepikan mana-mana atau kesemua syarat-syarat Undang-undang Kecil ini atau menggantikan mana-mana atau kesemua syarat-syarat ini sebagaimana yang difikirkan patut.

Penalti

27. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada Dua Ribu Ringgit atau dipenjarakan selama satu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak melebihi daripada Dua Ratus Ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pemansuhan

28. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Daerah Kluang Utara) 1991 yang telah diwartakan melalui J.P.U. 34 Tahun 1991 (selepas ini disebut Undang-undang Kecil Termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walauapapun perenggan (1)—

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-undang Kecil termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil Termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-undang Kecil Termansuh dan mahkamah belum memutuskan keputusannya sebelum mula berkuat kuasa Undang-undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-undang Kecil Termansuh seolah-olah Undang-undang Kecil ini tidak dibuat;

- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa perlantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil Termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah perlantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

JADUAL
[Undang-Undang Kecil 5(1)]

FEE LESEN TAHUNAN

Bilangan Lot letak kereta bagi satu tempat letak kereta		Fec kena bayar (RM)	
		Tidak Berbumbung	Berbumbung
1.	5-50	150.00	180.00
2.	51-100	300.00	360.00
3.	101-200	600.00	720.00
4.	201-300	900.00	1,100.00
5.	301-400	1,200.00	1,500.00
6.	401-500	1,500.00	1,800.00
7.	501 ke atas	1,800.00	2,200.00

Bertarikh 2012
[MPK/599/700/0001/UU/UUK]

HAJI AHMAD BIN HAJI MA'IN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang

Disahkan pada 2012
[K.T. 24/69 Jld. 9(20); PUNJ.BIL.(PU2)7 Jilid 3(52)]

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS
(KLUANG DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2012

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the State Authority makes, the following by-Laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Licensing of Private Car Parks (Kluang Municipal Council) By-Laws 2012** and shall apply only to the Mersing Municipal Council area.

(2) These By-Laws shall come into force on the date it is published in the *Government Gazette*.

Interpretation

2 In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“parking lot” means the space marked out in parking place for the parking of one motor vehicle;

“Council” means the Kluang Municipal Council;

“person” includes a company or statutory body or association or body of persons corporate or unincorporated;

“private car park” means any land or premises or part thereof owned or occupied by any person other than the Council or Government and used for the parking of five or more motor vehicles, and to which any member of the public is admitted to park any vehicle subject to the payment of a fee whether hourly or otherwise;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President of Kluang Municipal Council and includes the Deputy President;

“CCTV” means closed circuit television;

“off street parking” includes field parking, storeyed parking, on the roof parking, basement and mechanical;

“high dazzled” means when the dazzled of the light is straight to the users eyes without interruption;

“reflect dazzled” means when there is a dazzled reflect against a shining surface which reflects back to the user eye.

Policies, circular and etc.

3. Policies, Government Circular or any written orders given by the President or any Ministries or Departments or other Government Agencies which the President may think fit, applicable and accepted shall be used with these By-Laws from time to time.

License required

4. (1) No person shall handle a private car park unless he is in possession of a valid license granted for that purpose under these By-Laws.

(2) No person shall use any land or premise or any part thereof which belongs or occupied by any person other than the Council or Government as a paid or unpaid parking area unless given license under these By-Laws.

Fee for license

5. (1) The fee payable for the grant or renewal of a license shall be as set out in the Schedule.

(2) A license shall unless sooner suspended or revoked remain in force until the date of commencement of the license and may be renewed on or before the date of expiry.

(3) A license shall not be transferred to any other person and no licensee shall operate through any other person except with the prior written consent of the President.

Granting, suspension and revocation of license

6. The granting of a license shall be at the discretion of the Council and the Council may suspend for such period as it may consider necessary or revoke any license granted under these By-Laws.

Application for license

7. (1) An application for a license to operate a private car park shall be made in writing to the Council in such form as the Council may determine accompanied by a plan in duplicate showing the location, dimensions and capacity of the car park, along with:

- (a) location plan and light;
- (b) parking lot measurement;
- (c) parking capacity;
- (d) entry, exit and collecting system layout plan;
- (e) parking direction plan;
- (f) parking design;
- (g) material used; and
- (h) other documents needed by the Council.

(2) The Council shall consider the application made under paragraph (1) and may approve or reject it.

(3) If the Council approves the application, a license must be issued:

- (a) in any kind and subject to any condition or restriction as stated by the Council;

(b) when the fee is paid as required in By-Law 5; and

(c) when the deposit is paid in any sum required by the Council.

(4) Fee rate or payment charge to the user is subjected to the Council's approval.

Cleanliness

8. (1) Every licensee shall keep and manage his private car park clean at all times.

(2) Every licensee shall provide adequate receptacles in his private car park.

Alteration and addition

9. The licensee shall not increase or reduce the number of car parking lots within his private car park except with the prior written approval of the Council.

Obstruction

10. The licensee shall take adequate measures to ensure that no vehicle is parked in any manner so as to obstruct the free flow of traffic inside or in the vicinity of his private car park.

Other uses not permitted

11. The licensee shall not use or permit to be used any part of his private car park for any purpose other than for the parking of motor vehicles except with the prior written approval of the Council.

Lighting

12. (1) The licensee shall provide adequate lighting and, if it is a covered private car park adequate ventilation to the satisfaction of the Council.

(2) The lights provided at the parking area must provide adequate lighting or brightness to light up the whole car park as approved by the Council.

(3) A bright color must be chosen for a storeyed car park.

(4) No use of lights that may cause dazzled is allowed at a car park either direct or not.

Security

13. (1) The licensee shall comply with all instructions given by the Council and the police to ensure that adequate security is provided in his private car park.

(2) The installation of CCTV and maximum surveillance system must be provided at the off street, roof top and field parking along with these instruments:

- (i) The installation of the intercom system or strobe lights especially in rural area, entries and exits;
- (ii) The installation of a complete CCTV set to safe guard the security and to conduct surveillance;
- (iii) A CCTV station must be in operation during business operation hours and the security guard must always be alert in any situations, efficient and be well-versed in handling emergency situations if such situation arises;
- (iv) Providing a 'guard post' at every strategic places and places where there is constant need of a security guard;
- (v) No 'blind corners' can be made in a car parking area.

Fire prevention

14. The licensee shall ensure that in his private car park—

- (a) adequate fire fighting equipment is installed and managed as determined by the Council;
- (b) staircase and exits are properly maintained;
- (c) all staircase, passages, landings and exits are kept clear of all obstructions; and
- (d) every door is so constructed and fitted as to be readily opened to as determined by the Council.

Power of entry and demolish

15. (1) The Council, any of its authorized officers or the police may at any time enter any land or premises for the purpose of ascertaining whether—

- (a) The land or premises is or are being used as a private car park without a valid license granted in respect thereof; or
- (b) An offence under these By-Laws has been committed.

(2) The Council may demolish and remove any construction work without the permission of the Council in any private car park.

Condition of car park below sea level

16. A private basement car park must be provided at a car park below sea level based on the conditions determined by Council.

Prohibition of wash, polish, wipe or repairs etc.

17. No one can wash, polish, wipe, inspect, reconstructs or repairs any vehicle in any private car park except with a written authorization by the President.

Handicapped parking space

18. A parking space for the handicapped shall be erected or build in a private car park according to the conditions determined by the Council.

Ventilation

19. (1) Air system for a car park must be provided naturally,

(2) For a basement car park, air system must be provided mechanically and subject to By-Laws or other laws thereof.

(3) Licensee holder must at all times make sure that the air system in the private car park always in good condition and efficiently used.

Lane of entries and exits

20. (1) The owner of the car park holding 500 units or more shall provide at least two lane for entries and two lanes for exits.

(2) Entries and exits of a private car park must not block the coming in and going out of the residence or other premises.

Good and strong plaster

21. (1) Private car park must be filled with good and strong plaster and structure.

(2) Car park must be clearly painted following the required size under any By-Laws thereof.

Landscape element

22. (1) The owner of the car park must provide the space with landscape elements, sign boards and directional signs.

(2) A shade over the car park must be provided and subject to planning permission and the approval of the Council.

(3) Landscape elements like the trees must be planted to beautify the surrounding, shading or as a divider zone for one part and another.

(4) The sign board and directional signs shall must be clear and easy to read, easily seen from all angle, and using colors and size as approved by the President.

(5) Reconstruction of the car park shall be in line with the facilities, comfort and safety of the users.

Seasonal activities

23. A private car park may provide for seasonal activities, with the approval of the President.

Deposit forfeited

24. (1) The Council may, after giving the licensee a chance to be heard, forfeit all or part of the deposit if it is satisfied that there has been any breach of rules or license obstruction or breach of provision under these By-Laws.

(2) When the deposit has been forfeited, the license shall be treated as revoked, unless the Council, on application by the licensee, allows the license to be continued subject to the repayment of the said deposit.

Deposit refund

25. The payment of the deposit under 7(3)(c) shall, unless the right is revoked under By-Law 24, be repaid with no interest to the licensee after the Council has been told that the licensee—

- (a) has stopped handling the private car park; or
- (b) handing back the license to the Council before expiration.

Exemption

26. The Council may exempt any person or class or category of person from all or any of the provisions of these By-Laws or waive any or all of the conditions for these By-Laws or substitute for any or all of these conditions as he may consider it.

Penalty

27. Any person who contravenes any of the provision of these By-Laws is guilty of an offence and he is liable on conviction to a fine not exceeding Two Thousand Ringgit or imprisoned for a period not exceeding one year or both and to a further fine not exceeding Two Hundred Ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

Repeal

28. (1) Subject to paragraph (2) when these By-Laws is enforced, Licensing of Private Car Parks (Kluang District Council) By-Laws 1991, that was *Gazette* through J.P.U. 34 year 1991 (after this will be known as abolished By-Laws) must stopped being enforced and treated as abolished.

(2) Notwithstanding anything in paragraph (1)—

- (a) nothing that consist in these By-Laws can prevent anyone from being charged or convicted under the abolished By-Laws in any offences done under the abolished By-Laws before the enforcement of these By-Laws;

- (b) any proceeding made under the abolished By-Laws and where the court has not yet decide before the enforcement of these By-Laws shall be explained under the abolished By-Laws as if these By-Laws are never made;
- (c) any license issued under the abolished By-Laws shall continuously be enforced and has authorisation until it reaches its due but it shall be subjected to the provisions of these By-Laws and any rules and can be revoked under these By-Laws; and
- (d) any appointment or enforcement made under the abolished By-Laws shall be in force and enforce as if it was made under these By-Laws, until the appointment or enforcement is revoked or joined under these By-Laws.

SCHEDULE

[By-Laws 5(1)]

ANNUAL LICENSE FEES

No. of parking lot in a parking place		Fee to be paid (RM)	
		Unroofed	Roofed
1.	5-50	150.00	180.00
2.	51-100	300.00	360.00
3.	101-200	600.00	720.00
4.	201-300	900.00	1,100.00
5.	301-400	1,200.00	1,500.00
6.	401-500	1,500.00	1,800.00
7.	501 and above	1,800.00	2,200.00

Dated

[MPK/599/700/0001/UU/UUK]

Haji Ahmad Bin Haji Ma'in
President
Kluang Municipal Council

Confirmed on the

[K.T. 24/69 Jld. 9(20); PUNJ.BIL.(PU2)7 Jld. 3(52)]

Haji Mohd Halim Bin Hasbullah
Clerk of the State Executive Council
Johore